



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 16

2hb Ogos 2007

TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN

M. P.U. 9.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*En. No. 7 tahun 2002*] dan telah dikemukakan kepada Majlis oleh Mufti, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, menurut subseksyen 36(3), dan telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen 36(4) bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta* dan telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri menurut subseksyen 36(6) fatwa itu adalah disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF MALACCA) ENACTMENT 2002

FATWA UNDER SECTION 36

THE FATWA set out in the Schedule was prepared by the *Fatwa* Committee under section 35 of the Administration of the Religion of Islam (State of Malacca) Enactment 2002 [*En. No. 7 of 2002*] and has been submitted to the Majlis by the Mufti, on behalf and in the name of the *Fatwa* Committee, pursuant to

subsection 36(3), and the Yang di-Pertuan Agong has given his assent under subsection 36(4) for the publication of the *fatwa* in the *Gazette* and the State Government has been informed of the *fatwa* pursuant to subsection 36(6) and the *fatwa* is published in the *Gazette* under that subsection.

JADUAL/SCHEDULE

1. Ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa dan dipegang oleh Haji Ashaari bin Muhammad dan pengikutnya termasuk individu yang terlibat secara langsung dalam Syarikat Rifaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.
2. Ciri-ciri penyeleweng tersebut adalah seperti berikut:
 - (a) Kesalahan yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah, berdasarkan kepercayaan bahawa:
 - (i) Haji Ashaari bin Muhammad adalah *Sahibul Zaman (Mujaddid)*, manakala Syeikh Muhammad al-Suhaimi pula sebagai Imam Mahdi;
 - (ii) Haji Ashaari bin Muhammad mempunyai kelebihan meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa hadapan;
 - (iii) Haji Ashaari bin Muhammad mendapat ilmu secara langsung daripada Syeikh Muhammad al-Suhaimi dan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wasallam*;
 - (iv) *Mujaddid* atau *Sahibul Zaman* (Haji Ashaari bin Muhammad) mendapat ilmu terus daripada Allah (ilham, ilmu *laddunni* atau *kasyaf*) yang meliputi soal agama, dunia, hal ehwal semasa, pemerintahan, bina insan dan lain-lain;
 - (v) Sesiapa yang banyak menghayati minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) dan dapat pula melaksanakannya adalah orang yang paling kuat hubungan mental dengan Abuya;
 - (vi) Minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) itu sebenarnya adalah wahyu daripada Tuhan yang merupakan 1/46 daripada kenabian;
 - (vii) Allah hendak mengangkat kembali Islam di akhir zaman dengan menghantar Haji Ashaari bin Muhammad sebagai *Sahibul Zaman* dan Syeikh Muhammad al-Suhaimi sebagai Imam Mahdi;
 - (viii) Minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) difahami sebagai intisari Qur'an dan hadith, dan Abuya adalah orang Tuhan yang berupaya menyampaikan intisari tersebut kepada pengikutnya untuk diamalkan;
 - (ix) Perjuangan Haji Ashaari bin Muhammad dan pengikutnya dibantu dan dilindungi oleh para *Rijal Ghaib* yang terdiri daripada para malaikat, jin Islam dan roh-roh *muqaddas* (roh suci para ahli jemaah yang telah meninggal dunia);

- (x) Pengikut yang bertawassul kepada Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) ketika menghadapi sesuatu kesulitan atau kecemasan akan mendapat bantuan melalui jin Islam atau dengan *karamah* Haji Ashaari bin Muhammad;
 - (xi) Menjalinkan hubungan dengan Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) adalah lebih hebat daripada menjalinkan hubungan dengan 10 orang ibu bapa kerana hubungan dengan ibu bapa hanya terbatas di dunia sahaja, sedangkan hubungan dengan Abuya kekal sehingga ke akhirat;
 - (xii) Allah akan memberitahu Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) tentang musibah sakit yang dialami oleh pengikutnya dan Abuya boleh meminta agar Allah meringankan derita pada kadar yang mampu ditanggung oleh pengikutnya;
 - (xiii) Haji Ashaari bin Muhammad mempunyai kelebihan untuk menangguhkan ajal jika pengikutnya yang sampai ajal itu masih banyak dosa;
 - (xiv) Haji Ashaari bin Muhammad boleh meminta Allah menggantikan ajal kepada pengikut lain yang telah sempurna iman dan taqwa;
 - (xv) Sewaktu pengikutnya sedang nazak, Haji Ashaari bin Muhammad akan hadir dan berada di sebelah kanan kepala pengikutnya itu sambil mengajarkan talqin agar syaitan tidak akan menyesatkan pengikut berkenaan;
 - (xvi) Sewaktu pengikutnya sedang disoal oleh malaikat di alam kubur, Haji Ashaari bin Muhammad akan datang menemani dan menjawab soalan malaikat bagi pihak pengikutnya bagi melepaskannya daripada seksaan kubur; atau
 - (xvii) Haji Ashaari bin Muhammad akan menunggu-nunggu untuk memberikan syafa'at kepada para pengikutnya di padang mahsyar.
- (b) Kesalahan yang bercanggah dengan Syari'ah Islamiyyah, berdasarkan kepercayaan bahawa:
- (i) Ibadat sembahyang Jumaat adalah tidak wajib kerana kerajaan yang ada sekarang bukan kerajaan Imam Mahdi;
 - (ii) *Sahibul Zaman* (Haji Ashaari bin Muhammad) tidak memerlukan kitab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ilmunya datang terus daripada Allah dalam bentuk ilham;
 - (iii) Pengikut yang berjuang dengan mempunyai minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) adalah lebih tinggi pahala dan darjatnya jika dibandingkan dengan mereka yang tidak mempunyai minda Abuya dalam perjuangan;
 - (iv) Seorang ahli ibadah (*'abid*) hanya mampu menjadi hamba biasa dan tidak boleh menjadi khalifah kerana tidak mempunyai minda setaraf dengan wahyu Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad);

- (v) Qur'an yang ada sekarang hanya tinggal *mushaf* dan lafaz sahaja kerana roh Qur'an telah ditarik balik oleh Tuhan dan hanya diberikan kepada *Mujaddid* (Haji Ashaari bin Muhammad);
 - (vi) Sembahyang sehari semalaman hanya tinggal tiga waktu sahaja iaitu Subuh, sembahyang *jama'* Zuhur dan Asar serta *jama'* Maghrib dan Isya';
 - (vii) Segala amalan baik di dunia tidak dapat menandingi amalan pengikut Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) walaupun seseorang itu bersembahyang, berpuasa dan berpuluh kali menunaikan ibadat haji;
 - (viii) Pahala duduk semajlis dengan Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) adalah lebih tinggi daripada mengerjakan sembahyang selama 40 tahun atau sembahyang *tahajjud* sepanjang hayat;
 - (ix) Pengikut yang beramal dengan Aurad Muhammadiyah sebagai satu cara menjaga hubungan hati atau rohani dengan Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) akan sentiasa dipantau dan dibimbing secara rohaniah oleh Haji Ashaari bin Muhammad;
 - (x) Amalan Aurad Muhammadiyah akan terbatal jika pengikut itu melakukan dosa besar, tidak mengamalkannya tujuh hari berturut-turut, tidak taat dan yakin serta mengaibkan Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad); atau
 - (xi) Amalan Aurad Muhammadiyah yang mengandungi unsur *tawassul*, menyeru roh orang yang telah mati serta dakwaan bahawa Syeikh Muhammad bin Abdullah al-Suhami sebagai Imam Mahdi adalah zikir agung (الذكر الأعظم).
- (c) Kesalahan yang bercanggah dengan akhlak dan etika bermasyarakat, berdasarkan kepercayaan bahawa:
- (i) Ulama yang ada sekarang adalah ulama kitab atau ulama hafalan yang bergantung kepada kitab dan hafalan untuk mengajar. Sebaliknya *Sahibul Zaman* (Haji Ashaari bin Muhammad) mendapat ilmu terus daripada Tuhan;
 - (ii) Orang yang menuntut ilmu agama sehingga ke peringkat Ph.D adalah tidak bermanfaat kerana ilmu yang dituntut itu bersumberkan kitab lama dan ketinggalan zaman;
 - (iii) Ilmu ulama sekarang tidak setanding dengan ilmu orang Tuhan (Haji Ashaari bin Muhammad); atau
 - (iv) Allah melarang ulama yang berwatak Nabi berjuang melainkan setelah munculnya *mujaddid* yang berwatak Rasul.

3. Oleh yang demikian —

- (i) mana-mana orang hendaklah menjauhi ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2(a), (b) dan (c);
- (ii) mana-mana orang tidak boleh menyebar, mengedar atau menerbitkan apa-apa buku, majalah, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dengan apa-apa

cara lain dan apa-apa bentuk keluaran ulangnya dan termasuklah apa-apa filem atau rakaman audio, khidmat pesanan ringkas dan e-mel yang berkaitan dengan ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2(a), (b) dan (c); dan

- (iii) mana-mana orang yang berpegang kepada ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2(a), (b) dan (c) hendaklah segera bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Bertarikh 28 Jun 2007

Dated 28 June 2007

[JMM/BFB/351/255/01(29); PUN(M)353/02/3(19)]

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
Pengerusi/Chairman,
Majlis Agama Islam Melaka

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA